

## LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Sila baca dan fahami Lembaran Pendedahan Produk ini bersama-sama dengan terma dan syarat yang berkaitan Takaful Kredit Perdagangan (“TCT”) sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil produk ini. Anda dikehendaki supaya meminta penjelasan dari Pengurus Perhubungan EXIM Bank (Bank) yang ditugaskan kepada anda berkenaan sebarang terma dan syarat yang mengatur produk tersebut. Sila pastikan bahawa anda telah memahami sepenuhnya tentang produk dan terma dan syarat bersesuaian dengan keperluan pembiayaan dan/atau perniagaan anda.)



## Takaful Kredit Perdagangan



### 1. Apakah produk ini?

Takaful Kredit Perdagangan (“TCT”) merupakan salah satu produk yang ditawarkan oleh EXIM Bank untuk memastikan pembayaran selanjutnya untuk eksport / import barang-barang atau perkhidmatan, sama ada dari pembeli / penjual luar negara melalui tuntutan Takaful. “TCT” boleh diberikan kepada bank perdagangan bagi memudahkan permohonan anda untuk pembiayaan perdagangan dan kemudahan jualan domestik.

Terdapat 3 jenis perlindungan “TCT”:

- Eksport - untuk melindungi risiko tidak dibayar oleh Pembeli Luar Negara.
- Domestik - untuk melindungi risiko tidak dibayar oleh pembeli domestik.
- Import - untuk melindungi risiko gagal atau tidak dibayar oleh Pembeli domestik yang timbul dari urusan niaga import barangan strategik.

### 2. Apakah kontrak/konsep Syariah yang diguna pakai?

Model Takaful EXIM Bank menggunakan kontrak *Wakalah* dan *Mudarabah*.

- **Tabarru’**  
Sumbangan; Sebahagian daripada sumbangan peserta untuk tujuan tolong menolong dan digunakan untuk membayar tuntutan yang dikemukakan oleh pihak yang menuntut.
- **Wakalah**  
Kontrak agensi; *Wakalah* merujuk kepada kontrak dimana satu pihak, sebagai prinsipal (*muwakkil*) memberi kuasa kepada pihak yang lain sebagai ejennya (*wakil*) untuk melaksanakan suatu tugas yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan fi. Dari segi operasi Takaful, *Wakalah* merujuk kepada kontrak agensi, yang mungkin melibatkan bayaran untuk ejen.
- **Mudarabah**  
Kontrak perkongsian keuntungan; Kontrak antara penyedia modal (*rabbul mal*) dan pengusaha (*mudarib*) di mana *rabbul mal* menyediakan modal untuk diuruskan oleh *mudarib* dan sebarang keuntungan yang dihasilkan dari modal dibahagi antara *rabbul mal* dan *mudarib* mengikut nisbah pembahagian keuntungan (PSR) yang dipersetujui bersama sementara kerugian kewangan ditanggung oleh *rabbul mal* dengan syarat bahawa kerugian tersebut bukan disebabkan oleh salah laku *mudarib*, kelalaian atau pelanggaran syarat yang ditentukan.
- **Qard**  
Pinjaman; Merujuk kepada kontrak pinjaman wang oleh pemberi pinjaman kepada peminjam di mana peminjam akan membayar balik jumlah pengganti yang setara dengan pemberi pinjaman. Untuk operasi takaful, sekiranya Dana Risiko mengalami defisit, pinjaman tanpa untung akan diberikan dari Dana Operator untuk mengimbangi defisit. *Qard* akan dibayar kembali apabila Dana Risiko kembali ke kedudukan lebihan.

### 3. Apakah yang akan saya dapat dari produk ini ?

	Eksport	Domestik/Import
Peratusan Dilindungi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Risiko perdagangan – sehingga 90%</li> <li>• Risiko politik dan negara – sehingga 95%</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sehingga 90% dari kerugian yang ditanggung</li> </ul>
Jenis Risiko yang Dilindungi	<p><b>Risiko Komersial</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ketakmampuan Bayar oleh Pembeli</li> <li>• Kemungkinan Bayaran oleh Pembeli</li> <li>• Kegagalan Pembeli untuk menerima barangan</li> </ul> <p><b>Risiko Politik &amp; Negara</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sekatan atau kelewatan dalam pemindahan bayaran</li> <li>• Pengenaan lesen import</li> </ul>	<p><b>Risiko komersial</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ketakmampuan Bayar Pembeli / Bank pengeluar</li> <li>• Kemungkinan Bayaran</li> </ul>

	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembatalan lesen import</li> <li>• Peperangan antara negara pembeli dan Malaysia</li> <li>• Peperangan, revolusi dan gangguan ketenteraman awam di negara Pembeli</li> </ul>	
<b>Tempoh Sijil</b>	Sijil akan dikeluarkan untuk tempoh 12 bulan dan diperbaharui secara tahunan.	
<b>Permulaan Pelindungan</b>	Pendedahan risiko bermula apabila barangan telah dihantar kepada Pembeli Luar Negara.	Pendedahan risiko bermula apabila Pembeli Domestik menerima barangan.
<b>Tempoh Dilindungi</b>	Terma Kredit sehingga 180 hari.	
<b>Terma Pembayaran</b>	Surat Kredit yang tidak boleh dibatalkan ("ILC"), Dokumen Ke atas pembayaran ("DP"), Dokumen ke atas penerimaan ("DA") and Akaun Terbuka ("OA")	

#### 4. Berapakah yang perlu saya bayar untuk sumbangan Takaful?

Sumbangan anda bergantung kepada kriteria berikut;

- Terma bayaran
- Penggredan pasaran
- Pengalaman perdagangan dan tuntutan
- Pusingan keseluruhan atau Polisi terpilih

Sila hubungi Pengurus Perhubungan untuk maklumat lanjut.

#### 5. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

Peratusan dari sumbangan		
1.	Yuran Agensi	35%
2.	Dana Risiko	65%

#### Nisbah Perkongsian Keuntungan (PSR):

Sebarang keuntungan yang didapati dari pelaburan Dana Risiko akan dikembalikan kepada Dana Risiko dan dikongsi kepada Dana Pengendali masing-masing dalam nisbah 80:20.

#### Bayaran Balik Lebihan Sumbangan:

Sekiranya eksport sebenarnya kurang dari anggaran eksport berdasarkan Pengisytiharan eksport yang dibuat pada tempoh akhir perlindungan, lebihan sumbangan yang dibayar terdahulu akan dikembalikan kepada Peserta yang layak dimana tiada tuntutan yang dibuat dalam tempoh perlindungan yang terdahulu. Bayaran balik akan dibuat berdasarkan matrik yang diluluskan oleh pihak Bank.

Mana berkenan:

No.	Jenis Fi dan Caj	Kuantum
1.	<u>Eksport</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Fi Permohonan Had Kredit (CLA)</li> <li>• Kajian Tahunan Pembeli</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• RM250 setiap pembeli</li> <li>• RM250 setiap pembeli</li> </ul>
2.	<u>Domestik/Import</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Fi Permohonan Had Kredit (CLA)</li> <li>• Kajian Tahunan Pembeli</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• RM50 setiap pembeli</li> <li>• RM50 setiap pembeli</li> </ul>
3.	Caj SWIFT	RM70
4.	Duti Stem	RM10 di Malaysia dan/atau keperluan penyseteman di negara lain (jika berkaitan).
5.	Pos / Caj Penghantaran  <u>Pihak Tempatan</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mel Biasa</li> <li>• Mel Berdaftar</li> <li>• Perkhidmatan kiriman cepat/Serahan tangan</li> </ul> <u>Pihak Asing</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mel Biasa</li> <li>• Mel Berdaftar</li> </ul>	Min.RM3 Min.RM6 Min.RM7  Min.RM4 Min.RM8 Min.RM50 – berbeza mengikut lokasi

	Perkhidmatan kiriman cepat	
--	----------------------------	--

Sila minta daripada Pengurus Perhubungan anda untuk piawai fi dan caj Bank ke atas Produk dan Perkhidmatan Islam. Sekiranya terdapat sebarang perubahan pada yuran dan caj yang akan dikenakan kepada kemudahan anda, Bank akan memberitahu anda sekurang-kurangnya 21 hari sebelum tarikh kuat kuasa pelaksanaan.

#### 6. Apakah akan berlaku sekiranya saya gagal melaksanakan tanggungjawab saya?

Sijil Takaful anda tidak boleh dikuatkuasakan. Oleh itu, transaksi perniagaan anda tidak akan dilindungi.

#### 7. Bolehkah saya membatalkan Sijil Takaful?

Anda boleh membatalkan sijil anda pada bila – bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada kami.

#### 8. Apakah yang akan terjadi kepada sumbangan saya apabila sijil dibatalkan?

Anda berhak mendapatkan pulangan keatas sumbangan yang telah dibayar berdasarkan tempoh Takaful yang belum luput tertakluk kepada terma dan syarat pada sijil.

#### 9. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya berlaku perubahan pada maklumat peribadi?

- a) Adalah penting untuk anda memberitahu kami mengenai setiap perubahan butiran perhubungan anda bagi memastikan bahawa semua urusan surat-menyurat sampai kepada anda pada waktu yang tepat.
- b) Untuk mengemaskinikan butir-butir hubungan anda, anda boleh memaklumkan kami melalui pelbagai saluran komunikasi seperti di laman sesawang atau di pusat panggilan pelanggan kami di 03-2601 2000.

#### 10. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan pembelaan?

Jika anda mempunyai sebarang aduan tentang produk atau tahap perkhidmatan kami, anda juga boleh menulis kepada kami di alamat berikut:

Ketua, Jabatan Korporat Komunikasi  
Export-Import Bank of Malaysia Berhad  
Aras 1, EXIM Bank, Jalan Sultan Ismail,  
50250 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel: +603-26012000  
Faks: +603-26012469  
Laman Sesawang: [www.exim.com.my](http://www.exim.com.my)

Jika pertanyaan atau aduan Pelanggan tidak dapat diselesaikan dengan sepenuhnya oleh pihak Bank, Pelanggan boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:

Blok D, Bank Negara Malaysia,  
Jalan Dato' Onn,  
50480 Kuala Lumpur  
Tel: 1-300-88-5465  
Faks: +603-2174 1515  
Emel: [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)

#### 11. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Maklumat tambahan mengenai Takaful Kredit Perdagangan boleh didapati di pejabat atau laman sesawang korporat kami: [www.exim.com.my](http://www.exim.com.my).

EXPORT-IMPORT BANK OF MALAYSIA BERHAD  
Aras 1, EXIM Bank, Jalan Sultan Ismail,  
50250 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel: +603-26012000  
Faks: +603-26012469

#### 12. Apakah jenis produk takaful kredit lain yang ditawarkan?

- Takaful Kredit Perbankan
- Takaful Khusus
- Takaful Pelaburan Luar Negara

**NOTA PENTING: ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN PENGURUS PERHUBUNGAN UNTUK MAKLUMAT LANJUT. KAMI TIDAK AKAN MENANGGUNG SEBARANG LIABILITI SEKIRANYA ANDA GAGAL MEMBUAT PEMBAYARAN SUMBANGAN YANG DIKENAKAN OLEH KAMI ATAS PERLINDUNGAN YANG BERKAITAN.**

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah setakat 30 Julai 2021.